



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## **SIARAN MEDIA**

### **ORANG RAMAI DIPELAWA KONGSI MAKLUM BALAS BERKAITAN PELAKSANAAN DARURAT**

**PUTRAJAYA, 2 FEBRUARI 2021** – Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah mewujudkan saluran bagi orang ramai mengemukakan maklum balas mengenai Proklamasi Darurat yang dilaksanakan oleh negara bermula 11 Januari 2021 hingga 1 Ogos 2021.

Orang ramai boleh berkongsi pandangan dan maklum balas melalui **Telegram Channel SALURAN MAKLUMAT DARURAT** <https://t.me/saluranmaklumatdarurat> atau e-mel ke alamat [maklumbalasdarurat@kkmm.gov.my](mailto:maklumbalasdarurat@kkmm.gov.my). Maklum balas yang dikumpulkan akan dibawa oleh KKMM ke Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Darurat bagi tujuan menambah baik pelaksanaan darurat memerangi COVID-19.

Saluran maklum balas yang dibuka kepada orang ramai ini merupakan antara langkah prihatin Kerajaan dalam mendengar dan mengambil kira suara rakyat dalam kita bersama-sama mengharungi situasi semasa dan usaha memutuskan rantaian COVID-19.

**Dikeluarkan oleh:  
Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia**